

30/04/2004

Beri Proton masa: Dr M

PROTON Holdings Bhd (Proton) tidak akan didesak untuk mendapatkan rakan kongsi strategik asing dalam usahanya meningkatkan daya saing, kata Penasihatnya, Tun Dr Mahathir Mohamad.

Sebaliknya kata beliau, Proton harus diberi kebebasan memilih dan masa yang diperlukan untuk mendapatkan rakan kongsi asing yang benar-benar sesuai dan dapat menyumbang secara positif kepadanya.

"Memang ia langkah penting tetapi ia harus diteliti dan kita tidak akan melakukannya hanya kerana didesak untuk berbuat demikian," katanya dalam temu bual dengan akhbar Business Times di pejabatnya di Putrajaya, semalam.

Dr Mahathir berkata: "Semua orang berkata Proton perlu mempunyai rakan strategik, tetapi ia bukanlah satu jaminan untuk kejayaan Proton".

Beliau berkata, Proton kini menilai beberapa tawaran daripada syarikat gergasi automotif.

Katanya, Proton mempunyai tarikan kepada bakal rakan kongsinya kerana ia boleh menawarkan laluan ke pasaran tempatan, iaitu yang kedua terbesar di Asia Tenggara.

Dr Mahathir berkata, tugas pertama Proton ialah belajar daripada pengeluar kereta asing yang mencatat prestasi baik di Malaysia mengenai cara meningkatkan daya saing dan mengurangkan kos.

"Proton mesti melihat bagaimana negara lain boleh mengeluarkan kereta dengan murah dan bagaimana sesetengah daripadanya mampu mengimport kereta ke Malaysia pada harga yang lebih rendah daripada bahan mentah yang diperlukan untuk membuatnya," katanya.

Dr Mahathir berkata, dalam apa keadaan dan persekitaran yang adil sekalipun, Proton mesti menjadi sebuah syarikat yang berdaya saing serta berdaya maju.

Beliau berkata, mereka yang mencemuh Proton tidak sedar bahawa syarikat itu ialah satu daripada firma milik kerajaan yang paling berjaya.

Sebagai contoh, Proton mampu membina kilang barunya yang bernilai RM1.8 bilion di Tanjung Malim, Perak, tanpa perlu membuat pinjaman daripada kerajaan atau bank.

"Proton tidak pernah meminta wang daripada kerajaan walau sekalipun, kecuali pelaburan RM500 juta yang diberikan oleh kerajaan ketika ia mula ditubuhkan.

"Ia juga adalah antara pembayar cukai tertinggi di kalangan syarikat di negara ini tahun lalu. Ia memiliki tunai yang banyak dan ia amat berdaya saing," katanya.

Dr Mahathir membuat kejutan apabila mengumumkan pelantikannya sebagai Penasihat Proton, ketika pelbagai spekulasi timbul berhubung kononnya berlaku pergeseran antara lembaga pengarah syarikat itu dengan Ketua Eksekutifnya, Tengku Tan Sri Mahaleel Tengku Ariff.

Dr Mahathir berkata, sebagai ahli politik berpengalaman, beliau tidak terkejut dengan tuduhan yang mendakwa kononnya beliau cuba melindungi Tengku Mahaleel.

"Saya pernah dituduh dan disalahkan kerana macam-macam. Saya terima ia sebagai sebahagian daripada harga yang terpaksa dibayar demi menjalankan tugas.

"Apapun yang orang mahu kata, ia terserah kepada (Perdana Menteri) untuk memutuskannya," kata Dr Mahathir sambil menafikan dakwaan beliau tidak sehaluan dengan lembaga pengarah Proton.

Beliau berkata, semua cakap-cakap mengenai perselisihan itu hanya kecoh oleh orang luar yang menyebarkan khabar-khabar angin tidak berasas sama-sekali.

Dr Mahathir juga menegaskan beliau tidak akan campur tangan dalam urusan operasi Proton sebaliknya akan hanya memberikan nasihat apabila diminta.

"Saya bukan pengarah. Saya tidak boleh memberi perintah, tetapi saya mungkin memberikan pendapat jika ada yang dirujuk dan akan cuba memberi pandangan mengenai pendekatan menyelesaikan masalah," katanya.

Beliau berkata, beliau juga sedar sebenarnya tiada peruntukan untuk penasihat dan mengakui hakikat bahawa Proton tidak semestinya perlu menerima nasihatnya.

Dr Mahathir berkata, beliau tidak gentar dikaitkan dengan Proton yang kini berdepan cabaran mempertahankan penguasaan pasarannya dan akan menghadapi saingan sengit sektor automotif menjelang 2005.

"Saya tidak memikirkan mengenai diri saya. Saya memikirkan mengenai Proton. Jika saya kecundang, saya akan menerimanya tetapi saya percaya saya boleh membantu dan tidak akan berundur daripada tugas ini hanya kerana mahu menjaga reputasi saya," tegasnya.

(END)